

31/03/2005

Pelan Tindakan Putrajaya bukan retorik

Oleh Jamhariah Jaafar

KEKECEWAAN melihat bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail, bercakap dalam kebisingan ketika makan tengah hari pada Persidangan Keamanan di Palestin semalam, tertebus selepas menyaksikan betapa Penyelaras Aman Malaysia, Datuk Mukhriz Mahathir, bekerja keras untuk memastikan tidak ada siapa yang kecil hati dengan perjalanan program berkenaan.

Aman Malaysia selaku penganjur persidangan itu ternyata menjalankan tugas cemerlang bagi memastikan konflik Palestin-Israel yang menjadi kudis kepada masyarakat antarabangsa, diberi tumpuan sewajarnya supaya program tiga hari itu tidak berakhir sia-sia.

Walaupun sedar setakat mana kemampuan Aman Malaysia memberi tekanan kepada pihak terbabit, terutama Israel, Amerika Syarikat dan PBB, Mukhriz berkata, Pelan Tindakan Putrajaya yang digaris untuk ditangani oleh sekurang-kurangnya 14 negara dan pertubuhan dunia, akan dibentang kepada Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Bermula dengan idea dilemparkan Penaung Aman Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, untuk mengumpul pelbagai pihak yang benci dengan kekejaman Zionis Israel, AMAN Malaysia membuka gelanggang untuk memastikan usaha menamatkan konflik Palestin-Israel mendapat sokongan masyarakat dunia.

"Memang ramai yang melihat sinis usaha kita ini dan berpendapat ia akan terus menjadi gelanggang retorik. Tapi dengan adanya Pelan Tindakan Putrajaya yang menggariskan peranan pelbagai pihak untuk memainkan peranan meleraikan konflik itu, kami harap ia langkah pertama ke arah memberi tekanan kepada kuasa besar dunia.

"Langkah kedua ialah mendapat restu dan sokongan daripada NAM. Malah, usaha untuk membantu rakyat Palestin dapat digerakkan dengan lebih jitu jika cadangan menubuhkan pusat atau sekretariat di sini dapat direalisasikan," kata seorang aktivis Aman Malaysia, Anas Hafiz Mustafa.

Aman Malaysia dicetuskan penubuhannya oleh Hishammuddin yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno, ketika AS melobi untuk menceroboh Iraq dua tahun lalu, kini menggabungkan 1,323 badan bukan kerajaan (NGO) dari kalangan belia, pengamal agama, sukarelawan, profesional dan aktivis politik.

Atas persamaan menjayakan inisiatif keamanan sejagat, NGO itu bersatu menggembelng tenaga dan suara bagi menggerakkan sokongan rakyat Malaysia membantah perang dan menyalurkan bantuan kemanusiaan di kawasan bencana dan konflik.

Persidangan Keamanan di Palestin adalah gerakan terbaru Aman Malaysia dalam menggembelng suara warga Malaysia bersama lebih 30 NGO dari seluruh dunia, khusus kepada penyelesaian konflik Palestin-Israel yang menjadi akar umbi keganasan antarabangsa.

Usaha itu mendapat pengiktirafan pelbagai NGO antarabangsa dan PBB. Malah kelmarin, Hishammuddin turut mencadangkan Malaysia dijadikan pusat kegiatan NGO dan aktivis keamanan antarabangsa.

Mukhriz ketika mengulas cadangan itu berkata, semua pihak yang hadir pada persidangan kali ini bersetuju untuk mewujudkan sekretariat yang beribu pejabat di Kuala Lumpur bagi mewakili semua NGO dan negara Selatan serta berharap ia juga akan mendapat restu NAM.

"Apa yang penting, kita mendapat kerjasama masyarakat madani seluruh dunia kerana kita tahu jika melakukan tugas ini berseorangan, ia tidak akan berjaya. Justeru, setiap kempen kita lancarkan diharap mendapat

sokongan semua pihak yang terbabit dalam persidangan ini serta NAM.

"Misalnya, ada cadangan untuk memulaukan beberapa produk keluaran Israel. Bagi kita di Malaysia memang mudah kerana kita tidak mengimport barangan Israel," katanya.

Mukhriz turut berpuas hati dan terharu kerana ramai yang mengucapkan tahniah kepada Aman Malaysia yang umurnya baru setahun jagung kerana berjaya menganjurkan persidangan besar seperti ini.

"Mereka juga yakin dan percaya Aman Malaysia jika diberi mandat untuk menubuhkan sekretariat, bukan saja dapat melaksanakan tugas dengan baik, malah akan berusaha melaksanakan semua Pelan Tindakan Putrajaya yang diputuskan.

"Kami begitu bersemangat untuk memastikan semua yang dirancang akan kita kotakan. Kami berharap mendapat kerjasama semua pihak, bukan saja dari NGO dunia yang bersama kami hari ini, malah pertubuhan lain terutama NAM," katanya.

Bagaimanapun, semua pihak perlu sedar usaha untuk meleraikan konflik membabitkan negara yang mendapat perlindungan kuasa besar, sebenarnya amat perit dan hanya akan dicapai jika mereka terbabit akhirnya tunduk kepada tekanan dunia.

Tapi dengan suasana politik dunia hari ini, rakyat Palestin mungkin hanya mampu untuk terus bermimpi kerana penyelesaian yang ditawarkan sekadar untuk mengaburi mata masyarakat dunia.

Kenyataan Razali semalam amat menggerunkan: "Sejak saya berada di PBB lagi, badan itu tidak banyak berubah - jika ada sekali pun perubahan ketika ini, ia menjadi semakin buruk, malah semakin tertekan.

"Pencerobohan ke atas Iraq adalah pengajaran mengenai betapa tidak berkesannya rundingan secara kolektif. Majlis Keselamatan (PBB) langsung tidak dihiraukan AS, malah Setiausaha Agung dan fungsi pejabatnya terus menerus dicabar," katanya.

Bagaimanapun, Razali mengakui kematian Yasser Arafat, berjaya menggerakkan kembali momentum ke arah proses damai dan apa yang menarik ialah pentadbiran Presiden George W Bush, kelihatan ingin melihat Palestin dan Israel berdamai.

Tapi persoalannya ialah perdamaian bagaimana yang diharapkan AS?

"Adakah AS atau lebih khusus Presiden Bush bersedia untuk bergantung sepenuhnya kepada kepemimpinan Israel bagi melakukan perubahan, walaupun dia terpaksa menghadapi bantahan amat keras dari Kongres dan Senatnya sendiri atau lebih penting daripada masyarakat Yahudi di AS?

"Bagi pihak Palestin, Perdana Menteri Mahmoud Abbas kini menyusun semula kepemimpinan pertubuhannya dengan sokongan nyata penduduk Palestin yang memang mahukan perubahan dan akauntabiliti.

"Tapi masalahnya sekarang ialah apakah Israel yang penuh dengan percanggahan dan sering berubah pendirian, dapat dipaksa AS untuk menunaikan semua janjinya, terutama membabitkan kepentingan sendiri," kata Razali.

Justeru, Pelan Tindakan Putrajaya yang digariskan pada persidangan selama tiga hari itu yang antara lain mendesak kuasa besar dan pertubuhan antarabangsa untuk komited bagi meleraikan konflik Palestin-Israel ini tidak akan menjadi retorik.

Jika tsunami yang melanda beberapa negara Asia Disember lalu dijadikan iktibar, maka 'tsunami' yang mula digerakkan Aman Malaysia, diharap dapat merealisasikan impian rakyat Palestin untuk kembali mengecap keamanan dan memiliki sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

(END) Source : Berita Harian